


Ringkasan Persidangan Pentadbiran ICT Universiti 2019

Cabaran Revolusi Industri 4.0 ketika ini selari dengan perkembangan teknologi ICT yang cepat berubah, telah memberi satu inspirasi kepada iDEC UPM untuk menganjurkan PPICT2019. Pengisian persidangan telah dirancang sebegitu rupa agar membolehkan banyak peluang, maklumat, pendedahan dan perkembangan teknologi ICT khususnya berkaitan 'Smart Campus' dapat dikongsikan kepada pentadbir Institusi Pendidikan Tinggi khususnya dalam kalangan warga pentadbir UPM dengan harapan dapat mendekatkan jurang teknologi ICT untuk menyokong pengurusan & professional (P&P) dan juga Pengurusan Universiti.

Sebagai contoh transformasi ke arah 'Smart Campus' yang diperkenalkan UPM adalah penggunaan kad pengenalan identiti pelajar secara maya di atas talian yang dikenali sebagai Putra® Virtual ID (Putra®VID). Inisiatif yang berasaskan persekitaran telefon pintar dan laman web serta dilengkapi dengan sistem kawalan pengenalan identiti menggunakan teknologi kod QR ini akan melengkapkan pembangunan aplikasi UPM berteraskan konsep IoT (Internet of Things) yang akan menjadi asas kepada permulaan pembangunan kampus pintar.

Inisiatif Kampus Pintar yang menghubungkan institusi pendidikan, industri, kementerian dan masyarakat amat bertepatan dengan iltizam untuk memastikan kerjasama dari semua pihak dalam memberi manfaat kepada pendidikan anak bangsa. Inilah bukti bagaimana teknologi dapat dimanipulasi untuk tujuan yang baik. Teknologi mampu membantu mencapai matlamat ini melalui pelbagai cara secara kreatif dan inovatif. Ekosistem pembelajaran dan pengajaran yang mementingkan hubungan akrab antara pelbagai pihak harus diwujudkan dalam menyokong pembangunan insan.

Laporan disediakan,



Dr Khairi Izhar Kamarudin
Pegawai Pergigian
Pusat Kesihatan Universiti
Universiti Putra Malaysia

Kursus : Persidangan ICT
Tarikh : 31 Julai – 2 Ogos 2019
Tempat : Hotel Marriott Putrajaya
Disediakan Oleh : Dr Suhyna Mohamad Sulaiman

Dunia ke arah pementapan teknologi IT.IPTA/IPTS adalah antara yang sangat terkesan dengan perubahan ini, maka pelbagai inovasi dan revolusi telah mula wujud.

Walaupun sedemikian,'humanity' isu masih tidak boleh dilupakan.Keseimbangan diantara teknologi dan humanity perlu dititikberatkan.Justeru 'kampus pintar' atau 'smart campus' haruslah mampu untuk mengatasi masalah manusia dan sekitar manusia.

Antara aplikasi yang dapat membantu yang dipersembahkan ialah Ta pay e-wallet, iaitu aplikasi yg dapat mengumpul data pelajar dimana universiti mempunyai hak untuk mengarahkan pembayaran yang dibuat dari restoran/vendor yang berurusan dengan pelajar universiti.

Industri turut mengalami revolusi dimana contoh revolusi industri ini di ipt adalah 'smart cell', 'smart city'dan 'smart campus'. E-dokets adalah contoh aplikasi yang boleh memantau pergerakan keluar masuk lori kuari dan pasir untuk membantu kutipan hasil harian mereka Pihak UPM pula telah mewujudkan putra vid sebagai langkah kearah smart campus dan berkonsepkan go green(paperless)yang sinonim dengan upm